

# **PERANAN ‘PERISTIWA’ DALAM PEMBENTUKAN IDENTITI: PERISTIWA TANDUO 2013 DAN PEMBENTUKAN IDENTITI MASYARAKAT SULUK (TAUSUG) DI SABAH**

<sup>1</sup>*Ramli Dollah*

<sup>2</sup>*Zaini Othman*

<sup>3</sup>*Wan Shawaluddin Wan Hassan*

<sup>4</sup>*Salmie Jemon*

*Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah  
ramlid@ums.edu.my, zo@ums.edu.my, wshawal@ums.edu.my, salmie@ums.edu.my*

## ***Abstrak***

*Elemen bukan fizikal merupakan elemen utama dalam pembentukan sempadan, terutamanya pembentukan sempadan identiti sesuatu kumpulan. Namun, artikel ini melihat bahawa pembentukan sempadan bukan fizikal ini tidak boleh difahami sebagai satu proses semula jadi kerana ia merupakan elemen yang dibentuk oleh proses tertentu. Dalam hal ini, penulis melihat bahawa salah satu daripada elemen penting yang membawa kepada wujudnya wacana hegemoni dalam pembentukan sempadan identiti ini adalah melalui elemen ‘peristiwa’. Oleh itu, artikel ini membincangkan bahawa peristiwa Tanduo di Sabah merupakan ‘tragedi’ identiti masyarakat Tausug di negeri ini kerana peristiwa ini mewujudkan kebenaran sosial dalam kalangan masyarakat yang akhirnya membawa kepada imej negatif masyarakat Suluk di negeri Sabah. Jelasnya, pembentukan imej negatif ini terhasil daripada fungsi ‘peristiwa’ tersebut dan menyebabkan ia menjadi salah satu fakta yang tidak dapat disangkal kebenarannya. Akibatnya, masyarakat Suluk dilihat sebagai ‘bermasalah’, ‘perlu dijauhi’, ‘berbahaya’ dan seterusnya membawa kepada pembentukan pelbagai kategori Tausug yang sebelum ini berada dalam satu kategori yang sama. Dalam hal ini, penulis melihat jika sempadan fizikal boleh diperkuuhkan melalui peningkatan ketenteraan, artikel ini melihat pembentukan dasar-dasar yang berguna perlu dimainkan oleh badan-badan bukan kerajaan, ahli-ahli politik dan sebagainya terutamanya dalam mengurus persepsi yang berlaku ini.*

**Kata kunci:** Identiti, Sabah, Tanduo, Suluk, sempadan.

## **Abstract**

*A non-physical element is a key element in the border formation, particularly the formation of group's identity. However, this paper argues that the formation of this non-physical boundary cannot be understood as a natural process or pre-given but produced by a particular social and historical process. In this case, the authors argue that one of the crucial elements that led to the emergence of this hegemonic discourse of the identity formation is through the role of 'event'. Therefore, this paper argues that Tanduo's incident in 2013 was the 'tragedy' of the Suluk identity formation in the state. The Tanduo incident has produced the particular kind of relationships, self/other and eventually led to the negative representation of the Suluk community in the state. Apparently, the formation of this negative representation is derived from the role of 'event', namely the Tanduo incident which produce a new reality, undeniable fact and truth about the Suluk. As a result of this self/other relationships, the Suluk community has been seen as 'problematic', 'to be shunned', 'dangerous' and finally it leads to the formation of the 'bad' and 'good' Suluk categories. In this case, the author argues that, if the physical boundaries can be strengthened through military enforcement, this paper sees the non-governmental organizations, politicians, ruling government and various segments of Sabah society play a very crucial role especially in managing this negative perception towards Suluk community.*

**Keywords:** Identity, Sabah, Tanduo, Suluk, boundary.

## **Pengenalan**

Peristiwa Tanduo yang berlaku pada Februari 2013 merupakan isu penting kepada sejarah negara. Daripada satu perspektif, peristiwa ini merupakan detik bersejarah buat negara, namun pada masa yang sama peristiwa ini juga penting dalam memahami bagaimana pembentukan identiti masyarakat Tausug di negeri Sabah. Artikel ini adalah lanjutan daripada karya awal penulis berkait dengan sempadan fizikal dan bukan fizikal (Ramli *et al.*, 2013 dan Ramli *et al.*, 2015: 9–20). Artikel ini berdasarkan kepada pendekatan *social constructivism* yang melihat bahawa pembentukan sempadan bukan fizikal ini tidak boleh difahami

sebagai satu proses semula jadi kerana ia merupakan elemen yang dibentuk oleh proses-proses tertentu. Malahan, ia mungkin boleh berubah dari satu bentuk kepada satu bentuk yang lain. Dalam hal ini, penulis melihat bahawa salah satu daripada boleh ubah penting yang mempengaruhi kepada pembentukan sempadan identiti ini adalah elemen ‘peristiwa’. Oleh itu, dalam menjelaskan tentang sempadan bukan fizikal ini, artikel berhujah bahawa peristiwa Tanduo di Sabah merupakan ‘tragedi’ identiti masyarakat Tausug di Sabah kerana ia meninggalkan kesan yang amat mendalam kepada proses pembentukan identiti masyarakat Tausug di Sabah. Hal ini disebabkan selepas peristiwa terbabit, wacana perbezaan (*difference*) mendominasi ruang-ruang awam di negara ini menggantikan wacana persamaan (*sameness*) yang wujud sebelum ini. Akibatnya, identiti Tausug mula dilihat daripada perspektif yang berbeza, dilihat sebagai masalah, kasar dan tidak bersesuaian dalam masyarakat Malaysia.

## **Sejarah Pembentukan Sempadan**

Sempadan negara pertama yang wujud adalah berdasarkan kepada idea dan pengalaman negara-negara di Eropah, terutamanya Britain dan Perancis melalui perjanjian Westphalia pada 1648 yang membawa kepada pembentukan negara bangsa. Hal ini berbeza dengan keadaan yang berlaku di Asia dan negara-negara mundur lain di mana ia hanya muncul dan menerima sistem negara agak lambat, iaitu pada tahun-tahun selepas tamatnya Perang Dunia II melalui proses dekolonialisasi. Oleh itu, Asia secara amnya mempunyai latar belakang yang berbeza dengan keadaan yang berlaku di Eropah yang terbentuk lebih awal berbanding dengan negara-negara di Asia. Di Eropah misalnya pada peringkat awalnya, jumlah kerajaan (yang menyamai negara) adalah amat tinggi. Pada tahun 1500 misalnya, terdapat lebih daripada 500 buah wilayah yang berbeza kerajaan (mungkin tidak sama seperti konsep negara yang diterima pakai pada hari ini) di Eropah dan angka tersebut menurun kepada 25 buah negara pada tahun 1900 (Alagappa, 1987). Proses pembentukan negara ini telah melalui satu proses yang panjang dan ditandai dengan perang dan kematian berjuta-juta nyawa. Oleh itu, tidak menghairankan sekiranya negara-negara yang wujud pada hari ini tidak mempunyai masalah kerana isu-isu berkait dengan persoalan legitimasi ini telah diselesaikan dan mengambil masa yang sangat panjang.

Dalam hal ini, beberapa orang sarjana memberikan nama yang berbeza-beza kepada kategori dunia ketiga ini kerana pengalaman dunia ketiga ini yang baharu dalam pembentukan sempadan. Jackson (1993) misalnya menggelar negara ini sebagai *quasi-state*, manakala Buzan (1991) dan Holsti (1996) memanggil negara ini sebagai *Weak states/negara lemah*. Ayoob (1995) dalam hal ini berhujah bahawa negara-negara di Asia amnya menghadapi masalah keselamatan akibat kelambatan negara-negara ini menyertai sistem negara ini dan ia masih berada di proses awal proses *state-making* kerana ciri-ciri negara dunia ketiga ini yang tidak memenuhi kriteria sebuah negara (Ayoob, 1995. Lihat juga Acharya, 1997).

Akibat daripada proses pembentukan negara yang dilihat agak lambat ini, maka negara-negara dunia ketiga yang majoritinya terdapat di rantau Asia, Amerika Selatan dan Afrika dianggap sebagai negara muda di peringkat antarabangsa kerana hanya menyertai sistem negara pada tahun-tahun awal selepas tamatnya perang dunia II. Malaysia sebagai contoh hanya menyertai sistem negara ini pada 1963 apabila ia bebas dari cengkaman penjajah British. Akibatnya, negara-negara dunia ketiga ini bukan sahaja menghadapi masalah sempadan luaran, tetapi dalam masa yang sama turut menghadapi masalah domestik terutamanya yang berkait dengan legitimasi dalaman. Di rantau Asia Tenggara, beberapa ciri menjadi masalah kepada negara-negara baharu yang terdapat di rantau ini; 1), hampir kesemua negara Asia Tenggara (kecuali Thailand) merupakan bekas tanah jajahan kuasa Barat. Malaysia dan Singapura misalnya pernah dijajah oleh Britain, Indonesia (Belanda) dan Filipina oleh Sepanyol. Oleh itu, negara-negara ini mempunyai perbezaan yang besar daripada pelbagai segi, sama ada sejarah, kebudayaan, ideologi, politik dan ekonomi; 2) aspek bangsa dan agama turut mempengaruhi keadaan ini. Melayu dan Islam misalnya mendominasi negara Indonesia dan Malaysia, Thai/Buddha di Thailand, Cina/Buddha-Confucius di Singapura dan Islam/Kristian di Filipina; 3) kesemua negara ini menghadapi masalah keadaan politik yang tidak stabil akibat ancaman komunis dan masalah etnik seperti yang berlaku di Malaysia, Indonesia dan Thailand terutamanya pada peringkat awal kemerdekaan; 4),

negara-negara ini menghadapi masalah ekonomi yang teruk dan berlaku keadaan yang berbeza antara negara-negara ini misalnya Singapura merupakan negara *newly industrializing economies* (NIEs), Malaysia mempunyai ekonomi yang kukuh, manakala Indonesia dan Filipina menghadapi masalah ekonomi yang agak kritikal; 5), pihak penjajah sewenang-wenangnya membahagi dan membentuk sempadan buatan manusia seperti yang ada pada hari ini. Isu di selatan Thailand merupakan bukti jelas bahawa tindakan penjajah ini telah meninggalkan kesan yang amat mendalam dalam geopolitik rantau ini; dan 6) adalah setiap negara mempunyai masalah dengan negara lain misalnya Malaysia-Indonesia berhadapan dengan isu Pulau Sebatik dan hubungan Filipina-Malaysia pula digangu oleh isu Sabah dan pelarian di negeri ini (Ramli, 2013). Kesemua masalah yang berlaku ini adalah contoh jelas bagaimana sempadan yang dibentuk di rantau Asia Tenggara ini merupakan sempadan yang ‘muda’ dan mempunyai potensi untuk membawa kepada berlakunya konflik.

Berhadapan dengan situasi ini, potensi kepada meletusnya konflik ini (dan mungkin boleh membawa kepada perang sekiranya ia tidak diurus dengan baik) tidak dapat dielakkan dan jelas melalui masalah sempadan dan pertindihan wilayah yang berlaku di rantau ini. Contoh yang jelas apabila munculnya masalah seperti tuntutan Filipina ke atas Sabah, masalah pertindihan wilayah yang berlaku di antara Malaysia dan negara-negara jiran lain misalnya Kepulauan Spratly, masalah pertikaian di Laut Sulawesi, sama ada melibatkan Blok minyak di Ambalat atau masalah sempadan di Pulau Sebatik (Ramli *et al.*, 2007: 103–118). Malahan, di beberapa sempadan di kawasan ini dilihat sangat kabur kerana hubungan yang rapat antara penduduk-penduduk yang terdapat di Malaysia dan negara jiran, sama ada Indonesia atau Filipina. Hal yang sama turut berlaku kepada masyarakat di selatan Thai dan penduduk di bahagian utara Malaysia yang mana hubungan antara mereka dengan kumpulan ini amat rapat. Keadaan ini adalah kesan langsung daripada masalah-masalah yang disebutkan di atas tadi.

## Sempadan sebagai Bayangan (*Imaginary*)

Dalam kalangan masyarakat umum, sempadan biasanya difahami dalam konteks sempadan negara. Namun, hakikatnya sempadan juga wujud dalam kehidupan seharian manusia. Dalam hal ini, penulis menghujahkan bahawa sempadan wujud disebabkan oleh dua faktor utama iaitu melalui elemen fizikal dan bukan-fizikal. Disebabkan oleh sempadan merupakan satu perkara yang abstrak, maka sempadan (dan juga kedaulatan negara) dirujuk dengan pelbagai nama seperti '*modern geopolitical imaginary*', '*imagined communities*' dan beberapa istilah lain bagi menggambarkan bagaimana sempadan sebenarnya adalah bayangan sahaja. Oleh itu, tidak menghairankan apabila John Agnew, seorang sarjana terkenal dalam kajian sempadan melihat sempadan sebagai '*territorial trap*' kerana ia dibayangi oleh tiga andaian utama, 1) negara mempunyai kuasa dalam wilayahnya yang ditandai melalui konsep kedaulatan; 2) lingkungan domestik dan antarabangsa berbeza dan 3) sempadan negara ditentukan oleh masyarakat yang mendiami kawasan terbabit, maka negara dapat mengawal penduduk yang mendiami kawasan ini (Agnew, 1994). Oleh itu, tidak menghairankan jika Campbell berhujah bahawa jika semua negara adalah '*imagined communities*', maka Amerika Syarikat merupakan contoh terbaik kepada konsep ini kerana ia masih mempunyai banyak isu sempadan yang tidak selesai (Campbell, 1998: 105).

Selain itu, perkembangan idea globalisasi dengan pengenalan teknologi dan sebagainya mewujudkan apa yang dikenali sebagai '*borderless world*' (Scholte, 2000) yang akhirnya mewujudkan kepada satu keadaan di mana garisan sempadan ini menjadi semakin kabur. Hal ini ditambah lagi dengan integrasi ekonomi yang berlaku di seluruh dunia yang mungkin satu hari nanti dilihat oleh ramai sarjana bakal menimbulkan sistem baharu dalam politik antarabangsa, sekali gus melenyapkan sistem negara-bangsa seperti yang diaplิกasikan pada hari ini. Contoh yang paling mudah adalah seperti keadaan yang berlaku di Eropah melalui proses integrasi dalam kesatuan Eropah ini bakal melenyapkan identiti negara-negara ini (McCormic, 2002).

Artikel ini lebih memfokuskan kepada pendekatan bukan-fizikal dalam memahami bagaimana sempadan ini diwujudkan melalui proses terbabit. Penulis ingin berhujah bahawa walaupun elemen fizikal penting dalam

memahami pembentukan sempadan, namun elemen bukan-fizikal ini amat berguna dalam memahami isu tersebut. Malahan, pendekatan bukan-fizikal ini juga mungkin lebih dominan dalam menjelaskan fenomena pembahagian sempadan yang berlaku di seluruh dunia. Artikel ini melihat bahawa elemen fizikal dan bukan fizikal ini dapat menjelaskan fenomena pembentukan sempadan yang berlaku di seluruh dunia.

### **Elemen Bukan-Fizikal dalam Pembentukan Sempadan**

Seperti yang dihujahkan awal di atas, pemisah bagi sesebuah negara sering menggunakan elemen fizikal dalam menjelaskan fenomena sempadan (untuk keterangan lanjut tentang sempadan fizikal, lihat Ramli, *et al.*, 2013 dan Ramli, 2015: 9–20). Oleh itu, tidak menghairankan apabila sejarah awal kajian tentang sempadan sering dilihat milik disiplin geografi (Vaughan-Williams, 2009). Oleh itu, tidak menghairankan apabila kajian awal yang berkaitan dengan pembentukan sempadan sering melihat elemen fizikal dalam memahami pembentukan sempadan. Bentuk-bentuk fizikal (buatan manusia atau tidak) yang menjadi pembahagi sempadan dan wilayah kekuasaan seperti kawat berduri, menara pemerhati atau tembok yang diwujudkan oleh negara, gunung, sungai, peta, pokok atau batu sempadan atau *riel mapping*, *Global Positioning System* (GPS) dan sebagainya bagi membezakan siapa yang berada di dalam dan di luar sempadan, siapa warga negara dan siapa yang bukan warganegara, membezakan yang baik dan yang jahat, membezakan yang selamat dan berbahaya dan membezakan di antara hierarki dan anarki merupakan elemen penting dalam pembentukan sempadan. Dengan kata lain, sempadan sering dilihat sebagai pengukur dan pemisah kepada elemen ‘baik’ dan ‘buruk’ dalam hubungan antara manusia.

Dalam pembentukan sempadan bukan fizikal, hal yang sama turut berlaku di mana sempadan digunakan sebagai alat untuk memisahkan antara yang baik-jahat, dalam-luar, dan sebagainya. Malahan, idea ini sebenarnya telah lama dibincangkan oleh sarjana-sarjana melalui konsep-konsep seperti ‘*deconstruction*’ (Derrida), ‘*difference*’ (Connolly), ‘*inside/outside*’ (Walker), ‘*Orientalism*’ (Said), ‘*Clash of Civilizations*’ (Huntington), ‘*self/other dichotomy*’ dan beberapa istilah-istilah lain. Namun, perkembangan-perkembangan ini jelas menunjukkan bahawa kajian berhubung sempadan telah melangkui bidang geografi di mana ia tidak lagi tertumpu dalam soal-

soal yang berkait bagaimana sempadan tersebut dikukuhkan melalui elemen fizikal tersebut tetapi juga muncul pendekatan baharu dalam memahami sempadan daripada perspektif selain dari geografi, terutamanya dalam bidang antropologi dan sosiologi, sejarah dan hubungan antarabangsa.

<sup>1</sup>Dalam hal ini, satu perkara yang perlu diberikan perhatian apabila cuba memahami elemen bukan fizikal dalam pembentukan sempadan ini adalah seseorang individu, kumpulan masyarakat, bangsa, suku kaum, warganegara, negara dan sebagainya bukanlah bersifat semula jadi. Dengan kata lain, kumpulan ini menjadi jahat atau baik bukan kerana sifat semula jadinya sedemikian tetapi ia adalah dipengaruhi oleh proses pembentukan identiti (jahat atau baik) tersebut. Dalam konteks kajian antarabangsa misalnya, Amerika sering dilihat sebagai negara baik manakala China, Rusia, dan negara-negara Islam dan sebagainya sering dilihat sebagai negara jahat dan ‘troublemaker’. Dengan kata lain, pembentukan sempadan bukan fizikal ini banyak berkait dengan proses sosial yang melibatkan elemen-elemen tertentu.

Persoalannya, apakah elemen-elemen yang bertanggungjawab menjadikan proses ini sebagai satu realiti sosial? Melalui pendekatan ini ia melihat bahawa hubungan antara satu entiti dengan entiti yang lain amat bergantung kepada bagaimana wacana yang berlaku antara kedua-dua buah entiti ini. Dalam hal ini, pengasingan sempadan akan wujud apabila sesebuah negara atau komuniti terlibat dalam wacana-wacana yang melibatkan perbezaan ini. Begitu juga sebaliknya apabila wacana penyatuan digunakan, maka ia akan membawa kepada penyatuan. Malahan, jelas bahawa fenomena globalisasi dan integrasi yang sering dilihat menghilangkan dan melenyapkan garis sempadan contohnya. Hakikatnya di negara-negara Eropah, garis sempadan ini semakin kuat bahkan bertambah, menunjukkan kekuatannya berbanding dengan pembahagian fizikal yang wujud sebelum ini. Pengalaman di Amerika dan integrasi yang berlaku di Eropah mungkin boleh menjadi sandaran kepada hujah ini. Di Eropah misalnya walaupun sempadan telah terbentuk, namun hakikatnya negara-negara ini masih kuat berpegang kepada identiti mereka. Oleh itu, tidak menghairankan apabila pendekatan identiti/*societal* ini dilihat menjadi bakal menjadi masalah pada masa-masa akan datang kerana sempadan identiti ini dilihat bakal menggantikan peranan yang dimainkan oleh sempadan fizikal seperti yang berlaku sebelum ini.<sup>2</sup>

Penggunaan beberapa istilah yang penting untuk menggambarkan kepada keadaan tersebut dapat dilihat dalam perkembangan politik antarabangsa pada hari ini. Fierke menghujahkan bahawa ‘*production of danger*’ atau ‘*production of insecurity*’ ini berlaku melalui penggunaan istilah-istilah seperti ‘*threats*’, ‘*crises*’, ‘*problems*’ dan ‘*risks*’ yang digunakan secara meluas oleh sarjana-sarjana kajian antarabangsa untuk menganalisis perkembangan yang berlaku ini (Fierke, 2007: 100). Dalam hal ini, Campbell menyebut pendekatan ini sebagai ‘*discourse of danger*’, iaitu negara-negara ini terlibat dalam wacana seperti ini untuk menggambarkan sesuatu keadaan seterusnya memberikan identiti kepada sesuatu kumpulan tersebut (Campbell, 1996: 167. Juga lihat Campbell, 1998). Penglibatan Amerika menggunakan terma-terma seperti ‘*war on terror*’, ‘*axis of evil*’, ‘*failed states*’, ‘*rouge state*’ dan beberapa istilah lain dengan jelas menunjukkan bagaimana Amerika secara sengaja mewujudkan jurang sempadan identiti antara negara terbabit dan juga identiti yang dimiliki oleh Amerika yang sering digambarkan sebagai ‘*civilized*’, ‘*non-barbarian*’, ‘*democracy*’ dan sebagainya. Dalam usaha mewujudkan identiti negatif dalam kalangan negara-negara yang dilihat bermasalah misalnya, negara-negara seperti Iran, Iraq, Cuba dan Korea Utara mula dilabel dengan pelbagai nama seperti ‘*weapons states*’ atau negara-negara yang menyokong keganasan (untuk lebih lanjut, lihat hujah Campbell, 1996). Hal yang sama juga berlaku semasa perang dingin yang berlaku di antara Amerika dan Soviet di mana imej Soviet sering dilihat sebagai ‘*evil empire*’, ‘*barbarian*’ dan sebagainya berbanding imej positif Amerika yang dilihat sebagai pejuang kepada hak-asasi manusia, demokrasi dan keamanan. Jelasnya wacana-wacana ini digunakan secara meluas untuk mewujudkan identiti yang berbeza tersebut. Hal yang sama turut berlaku dalam hubungan negara Eropah dengan negara lain seperti Islam, Rusia dan Eropah Timur. Dalam hubungannya dengan negara Islam (Turki) sebagai contoh, Eropah menggambarkan empayar Ottoman ini sebagai pertembungan antara ‘*infidels*’ atau ‘*barbarians*’ (Turki/Islam) dan ‘*civilized peoples*’ (Eropah) (Neuman, 1999: 36). Pendekatan bukan-fizikal melalui wacana-wacana yang digunakan ini jelas menunjukkan bagaimana elemen bukan-fizikal ini juga penting dalam memahami pembentukan sempadan identiti terutamanya dalam memahami perkembangan politik yang berlaku di dalam negara (lihat Ramli *et al.*, 2015).

Namun, dalam masa yang sama, pembentukan sempadan identiti ini tidak hanya memfokuskan kepada perbezaan yang sering kali menyumbang kepada berlakunya konflik, tetapi ia juga boleh menyumbang kepada hubungan baik antara negara atau komuniti tersebut. Salah satu usaha untuk melihat peranan ini adalah melalui pendekatan negara-negara Eropah (terutamanya negara Eropah Barat) selepas era perang dingin yang menggambarkan Eropah Timur sebagai rakan utama. Keadaan ini berbeza dengan pendekatan Eropah barat semasa perang dingin di mana ia melihat Eropah Timur sebagai '*Europe as dangerous other*' (Waever, 1996: 103–132. Lihat juga Waever, 1998). Malahan, negara-negara Eropah Barat dan Amerika Syarikat ini pernah menggambarkan Eropah Timur sebagai *Iron Curtain* untuk menggambarkan negara-negara ini sebagai negara yang berada dalam kawalan Soviet. Keadaan ini menunjukkan bahawa elemen bukan-fizikal ini sebenarnya sangat berguna dalam memahami keadaan yang berlaku, terutamanya yang berkait dengan pengasingan dan pembentukan sempadan.

Jelasnya, selari dengan perkembangan teknologi, sempadan bukan lagi menjadi milik pemerintah semata-mata tetapi juga menjadi milik rakyat sendiri kerana ‘wacana hegemoni’ yang sebelum ini dimonopoli sepenuhnya oleh *elite* dan pemerintah negara melalui pengawalan media massa sudah tidak lagi dominan sama seperti yang pernah berlaku sebelum ini. Dalam konteks Malaysia misalnya, perkembangan teknologi internet melalui Facebook, Twitter, blog dan sebagainya menghilangkan peranan ini, sekali gus meletakkan masyarakat dan penduduk sebagai pemain utama dalam isu ini. Pengalaman revolusi Mesir atau juga sering dikenali sebagai ‘*twitter revolution*’ menjadi sandaran kepada hal ini (Hudson, 2011).

### **Peranan ‘Peristiwa’ dalam Pembentukan Sempadan Bukan-Fizikal**

Seperti yang disebutkan di atas, elemen bukan fizikal merupakan elemen utama dalam pembentukan sempadan, terutamanya pembentukan sempadan identiti sesuatu kumpulan. Ia amat penting dalam memahami bagaimana sesuatu isu tersebut difahami dan diaplikasikan. Walau bagaimanapun, seperti yang dihujahkan di atas, pembentukan sempadan bukan-fizikal sebagai satu fakta atau realiti sosial merupakan satu proses yang perlu difahami dengan mendalam kerana ia sebenarnya tidak berlaku secara semula jadi tetapi

diregulasi oleh wacana-wacana yang berlaku dalam kalangan masyarakat, pemerintah dan penduduk dalam satu-satu kawasan terbabit. Malahan, penulis berhujah bahawa proses ini adalah sangat ‘bahaya’ dan boleh menimbulkan masalah sekiranya ia tidak dikawal dan diregulasi terutamanya oleh pihak pemerintah. Oleh itu, satu-satu kumpulan tersebut boleh menjadi ‘kawan’ dan boleh menjadi ‘lawan’ pada bila-bila masa. Dalam hal ini, penulis melihat bahawa kegagalan mengawal wacana-wacana daripada menjadi terlalu dominan ini akan menimbulkan masalah yang besar kepada keselamatan dan perpaduan kaum di negeri Sabah.

Persoalannya, bagaimana wacana tersebut boleh berubah? Salah satu daripada elemen penting yang bertindak sebagai pemboleh ubah yang mempengaruhi proses pembentukan sempadan ini adalah melalui peranan ‘peristiwa’. Dalam hal ini, sesuatu peristiwa penting adalah sangat penting dalam memastikan sesuatu isu tersebut menjadi wacana yang terlalu dominan dan diterima umum sebagai satu fakta sosial. Peristiwa yang berlaku mungkin akan membawa kepada perubahan wacana daripada ‘perbezaan’ kepada ‘persamaan’ ataupun sebaliknya. Keadaan ini akan menjadi bertambah mudah lagi apabila terdapat pihak-pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan daripada isu tersebut dan mewujudkan wacana-wacana yang mampu mengubah keadaan tersebut. Dalam hal ini, penulis berhujah bahawa insiden Tanduo di Sabah merupakan ‘tragedi’ kepada pembentukan identiti masyarakat Tausug di Sabah kerana insiden ini lebih banyak membawa kepada wacana perbezaan (*difference*) berbanding persamaan (*sameness*)<sup>3</sup>. Malahan pemecahan identiti Tausug yang selama ini dilihat sebagai berada dalam satu kategori turut membawa kepada masalah di negeri Sabah. Pada masa yang sama, Tausug juga mula dilihat sebagai masalah kepada keharmonian dan keselamatan negeri Sabah.

### **Latar Belakang Peristiwa Tanduo, 2013**

Pada 9 Februari 2013, sekumpulan lebih daripada 100 orang bersenjata warga Filipina mendarat di perkampungan Tanduo, berhampiran kawasan Felda Sahabat, Lahad Datu, Sabah. Kumpulan ini mengidentifikasi diri mereka sebagai Tentera Diraja Sulu (*Royal Sulu Army - RSA*) yang diketuai Raja Muda Agbimudin Kiram iaitu adik kepada Jamallul Kiram III dan Ismael

Kiram III, individu yang mendakwa diri mereka sebagai waris Kesultanan Sulu. Kumpulan ini dianggotai oleh pelbagai masyarakat dari selatan Filipina antaranya adalah masyarakat Suluk dan Bajau. Walau bagaimanapun, dalam banyak keadaan kumpulan ini lebih sinonim dengan masyarakat Suluk (untuk lebih lanjut tentang masyarakat Suluk, lihat Kee Sabariah & Asmiaty, 2012 dan Mohammad Faizal. 2014).

Pada peringkat awal, Kerajaan Malaysia menggunakan pendekatan diplomasi bertindak mengadakan rundingan dengan kumpulan ini. Walau bagaimanapun, apabila rundingan yang memasuki beberapa fasa ini gagal, ia akhirnya membawa kepada ketegangan antara kumpulan perunding di pihak Malaysia dan kumpulan ini (Wan Shawaluddin *et al.*, 2016). Keadaan mula menjadi tegang apabila pada 1 Mac 2013, dua orang pasukan keselamatan Malaysia maut ditembak semasa pertempuran dengan kumpulan penceroboh (*Sinar Harian*, 2 Mac 2013). Keadaan menjadi bertambah tegang apabila beberapa orang pihak berkuasa Malaysia terbunuh dalam satu serangan hendap di Semporna. Isu ini berakhir apabila Kerajaan Malaysia mengumumkan akan melancarkan Ops Daulat melalui serangan udara ke atas kawasan Tanduo pada 5 Mac 2013 serta operasi menangkap saki-baki kumpulan ini di beberapa kawasan di Semporna dan juga Lahad Datu.

### **Tanduo dan Identiti Tragedi Tausug di Sabah: Tausug sebagai ‘Bermasalah’**

Hakikatnya, peristiwa Tanduo meninggalkan kesan yang amat mendalam kepada kehidupan masyarakat Tausug di Sabah secara keseluruhannya. Hal ini disebabkan selepas berlakunya peristiwa tersebut, identiti Tausug diserang dari segenap sudut dan ia menimbulkan masalah dan dilema yang besar kepada pembentukan identiti Tausug dan keharmonian kaum di negeri Sabah. Dalam hal ini, jelas bahawa identiti Tausug mula dilihat sebagai ‘bermasalah’, ‘tidak diperlukan’, ‘perlu dielakkan’, ‘jahat’ dan sebagainya apabila bercakap tentang identiti di Sabah.

### ***Mengembalikan Watak ‘Jahat’ dalam Identiti Tausug***

Sejak awal peristiwa Tanduo berlaku, didapati bahawa Tausug menjadi sasaran media-media utama di Malaysia dan tindakan pihak berkuasa. Hal

ini mengingatkan kembali peristiwa 9/11 apabila berlakunya serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) di Amerika yang mengorbankan beribu-ribu nyawa. Walaupun kumpulan yang bertanggungjawab dalam melakukan ini tidak diketahui sehingga hari ini, dalam sekilip mata sahaja, Islam dianggap dan dilabel sebagai punca utama berlakunya peristiwa tersebut. Masyarakat Islam tiba-tiba menjadi sasaran kepada keganasan penduduk Amerika, dan masyarakat antarabangsa secara amnya. Dalam hal ini, perkara yang sama turut berlaku semasa insiden ini di mana Tausug dilihat sebagai punca utama kepada masalah ini walhal kumpulan tersebut juga turut dianggotai oleh bukan Tausug seperti Bajau dan sebagainya. Tindakan kerajaan yang mengisyiharkan ‘Operasi Sulu’ dalam menangani pencerobohan ini menunjukkan bagaimana sentimen wacana anti-Tausug digunakan secara tidak sengaja dalam menangani masalah ini, sekali gus menunjukkan bagaimana Tausug menjadi sasaran kepada isu ini. Namun, operasi ini kemudiannya ditukarkan namanya kepada ‘Ops Daulat’ kerana mendapat teguran daripada beberapa pihak dan bertujuan untuk menjaga sensitiviti kaum di Sabah (Temubual, Sulaiman Mohamad, 14 November 2013).

Lanjutan daripada peristiwa tersebut dan peristiwa-peristiwa lain yang menyusul, didapati bahawa masyarakat secara umumnya mula mempunyai persepsi yang buruk terhadap masyarakat Tausug di Sabah. Mereka dilihat sebagai ‘jahat’, ‘bermasalah’ dan ‘berbahaya’ kepada penduduk-penduduk tempatan. Jika ditinjau balik ke belakang melihat perkembangan masyarakat Tausug di Sabah, persepsi seperti ini sebenarnya pernah berlaku pada tahun-tahun 1970-an dan 1980-an, iaitu kumpulan ini dirujuk dengan pelbagai nama misalnya *‘gun culture’* pernah dilabelkan kepada pelarian Filipina di Malaysia, terutamanya kepada penduduk berketurunan Tausug, khasnya yang berhijrah dari Filipina kerana masalah perperangan yang berlaku di selatan Filipina ini. Namun, persepsi ini semakin berkurangan dan masyarakat ini mula diterima baik dalam kalangan penduduk lebih-lebih lagi selepas Tun Mustapha menjadi Ketua Menteri Sabah antara tahun 1967 hingga 1975. Malahan selepas beliau menjadi ketua Menteri, beliau masih disegani oleh kawan dan lawan. Tidak menghairankan imej Tausug yang dibawa oleh beliau ini berjaya meletakkan Tausug sebagai salah satu suku yang sangat penting di Sabah. Sepanjang tempoh ini, beliau berjaya mengembalikan status Tausug sebagai salah satu kumpulan etnik yang dominan dalam konteks politik Sabah. Namun insiden

Tanduo yang berlaku ini menyebabkan usaha-usaha untuk mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat ini mula berubah dan dilihat bakal melalui tempoh yang sukar.

Bagi menunjukkan masalah yang ditimbulkan oleh Tausug ini, beberapa gelaran digunakan untuk menggambarkan Tausug ini misalnya ‘pengganas sulu’ (*The Malaysian Insider*, 25 Jun 2014; *The Malay Mail*, 27 Jun 2014; Vanar, *The Star*, 29 Jun 2014), ‘militan sulu’ (*New Strait Times*, 17 Jun 2014; *The Sun Daily*, 16 Jun 2014; *The New Sabah Times*, 27 Jun 2014) dan sebagainya. Bagi menguatkan andaian ini, beberapa naratif digunakan secara meluas dalam wacana-wacana yang digunakan bagi menggambarkan identiti negatif Tausug ini. Misalnya, mereka dikaitkan dengan budaya ‘membalas dendam’, konsep ‘maratabat’, ‘magsabil’ dan beberapa konsep lain yang menjadi amalan penduduk di selatan Filipina suatu masa dahulu dan amat bertentangan dengan budaya setempat (untuk keterangan lanjut tentang konsep balas dendam, lihat Kiefer, 1972). Untuk konsep ‘maratabat’ dan ‘*mangsabil*’ lihat Gowing, 1977). Konsep balas dendam (atau *rido*)<sup>4</sup> misalnya merupakan istilah tempatan terutamanya dalam kalangan masyarakat Meranao, Iranun dan Maguindanao yang digunakan untuk merujuk kepada permusuhan puak (*clan feuding*) di selatan Filipina, terutamanya di Mindanao (lihat Wilfredo Magno Torres III, 2006). Budaya ini dikaitkan dengan meluas dalam kalangan Tausug di Sabah, terutama selepas berlakunya insiden Tanduo dan beberapa siri penculikan di Sabah. Hal ini juga kemungkinan menjadi asas kepada penerimaan masyarakat berhubung persepsi mereka terhadap Tausug di Sabah. Namun, hal yang pasti adalah konsep-konsep ini menjadi memori dan sering digunakan secara meluas untuk menggambarkan imej masyarakat Tausug seperti yang berlaku apabila insiden ini terjadi.

### ***Dilema Identiti Tausug***

Seperti yang dibincangkan di atas, era Tun Mustapha merupakan zaman keemasan kepada masyarakat Tausug di Sabah. Sepanjang tempoh ini, ramai yang merasa bangga dengan identiti Tausug kerana Tun sendiri berjaya memprojeksikan identiti Tausug sebagai satu kaum yang disegani. Namun, peristiwa Tanduo merupakan cabaran besar kepada masyarakat Tausug di

Sabah kerana ia mencabar dan merosakkan identiti Tausug yang sekian lama dibina oleh pemimpin-pemimpin sebelumnya. Selepas berlakunya peristiwa Tanduo dan beberapa siri penculikan di Sabah, berdasarkan kepada temu bual yang dijalankan di beberapa lokasi di Sabah sekitar September hingga Oktober 2013 mendapati bahawa ramai dalam kalangan masyarakat Tausug ini yang cuba menyembunyikan identiti mereka sebagai Tausug, bukan kerana takut mengaku sebagai Tausug, tetapi malu kerana identiti ini telah dijadikan ‘kambing hitam’ dalam banyak keadaan terutamanya selepas insiden Tanduo dan beberapa siri penculikan di Sabah (Kerja lapangan, Semporna, Tawau, Lahad Datu, dan Tungku, September–Oktober, 2013). Insiden Tanduo ini sekali gus meletakkan imej Tausug sebagai etnik yang bermasalah, jahat dan perlu dijauhi. Malahan terdapat di antara kumpulan ini yang seolah-olah diabaikan oleh rakan-rakan sekerja mereka disebabkan oleh peristiwa tersebut (temu bual, En. Salleh, 8 Januari 2014). Malahan, dalam kalangan pelajar di Universiti Malaysia Sabah, hal yang sama turut berlaku apabila terdapat sebilangan pelajar yang ditanya menyatakan bahawa mereka merasa tidak selesa mengidentifikasi diri mereka sebagai Suluk lanjutan daripada insiden Tanduo kerana dipandang serong oleh rakan-rakan sekuliah mereka (temu bual, Mursi, bukan nama sebenar, 14 Mei 2013). Hal ini menunjukkan dengan jelas bagaimana Tausug berada dalam dilema untuk mengakui identiti mereka kerana tekanan yang berterusan daripada masyarakat.

### ***Cabarani dalam Sektor Pekerjaan***

Dalam bidang pekerjaan terutamanya di mana masyarakat Tausug ini mempunyai kemahiran, selepas berlakunya insiden Tanduo dan insiden-insiden penculikan yang berlaku kebelakangan ini, didapati ramai di antara pengusaha-pengusaha ini enggan untuk menggaji pekerja berketurunan Suluk. Dalam sektor perikanan di mana kumpulan ini merupakan pekerja yang mahir misalnya, ramai di antara pengusaha enggan untuk menerima mereka atas alasan pemeriksaan yang terlalu rapi oleh pihak berkuasa ke atas penduduk berketurunan Suluk (temu bual bersama En. Jamarul, 29 Julai 2014). Dalam sektor lain di mana warga Tausug ini kurang berkemahiran misalnya di sektor perladangan, hal yang sama turut berlaku di mana wujud keimbangan dalam kalangan pengusaha ladang dan pekebun kecil untuk

mengambil pekerja dari masyarakat Tausug. Walaupun wujud kesukaran untuk mendapatkan pekerja dalam sektor ini kebelakangan ini, para pengusaha masih memilih untuk tidak menggaji warga Tausug kerana bimbang dengan persepsi buruk masyarakat terhadap mereka. Tidak menghairankan beberapa orang pekebun kecil yang sebelum ini menggaji pekerja Tausug mengambil keputusan untuk menghentikan pekerja ini kerana bimbang dengan situasi yang berlaku. Hal yang sama turut berlaku dalam industri marin lain misalnya industri rumpai laut di mana terdapat kecenderungan untuk tidak menggaji masyarakat berketurunan Tausug kerana bimbang dengan imej yang dibawa oleh kumpulan ini. Malahan, seorang pengusaha perikanan laut dalam yang ditemu bual menyatakan bahawa mereka lebih banyak mengambil pekerja dari Vietnam untuk bekerja dalam sektor ini berbanding masyarakat berketurunan Suluk (temu bual, En. Rasman (bukan nama sebenar, 27 Jun 2014)

### ***Mewujudkan Identiti Tausug Malaysia (Baik) dan Tausug Filipina (Jahat)***

Selain itu, peristiwa Tanduo bukan sahaja menimbulkan masalah kepada identiti masyarakat Tausug sahaja, tetapi dalam masa yang sama ia juga mewujudkan masalah dalam pembentukan identiti dalam kalangan masyarakat Tausug sendiri. Hal ini disebabkan seolah-olah wujud perpecahan dalam kalangan masyarakat Tausug. Jika dahulu tidak timbul soal wujudnya Tausug Malaysia atau Tausug Filipina, namun selepas peristiwa ini berlaku, didapati wujud semacam tekanan dalam kalangan Tausug sendiri yang terpaksa mengasingkan antara dua identiti ini (jahat dan baik). Dalam hal ini, Tausug Sabah cuba untuk mengasingkan diri mereka daripada masalah yang berlaku kepada identiti Tausug dengan cuba mewujudkan identiti yang berbeza mewakili identiti baik bagi Tausug. Malahan Setiausaha Persatuan Rumpun Etnik Suluk Sabah, Mohd. Zaki Harry Susanto apabila ditemu bual oleh akhbar tempatan menyatakan bahawa ‘Suluk tempatan jangan disamakan dengan Suluk bukan tempatan. Majoriti Suluk tempatan tidak perlu diragui kesetiaannya’ (lihat *Utusan Malaysia*, 10 Mac 2013). Namun, pembahagian identiti ini sebenarnya daripada satu sudut merupakan masalah dan ia perlu ditangani dengan baik kerana ia hanya akan membawa perpecahan kepada perpaduan kamu di negeri Sabah, terutamanya dalam kalangan masyarakat Tausug.

### **Tausug dan Stigma**

Stigma merupakan istilah psikologi yang sering digunakan untuk menggambarkan sesuatu keadaan yang dikaitkan dengan sesuatu kumpulan atau individu. Dalam hal ini, akibat daripada peristiwa Tanduo ini dan diikuti oleh beberapa peristiwa lain misalnya penculikan di pantai timur Sabah, timbul seolah-olah stigma dalam kalangan pemimpin negara, ahli politik dan penduduk awam mengenai Tausug. Oleh itu, setiap kali masalah berlaku ia akan dikaitkan dengan isu yang ditimbulkan oleh Tausug. Hal ini dapat dilihat melalui kenyataan beberapa pemimpin dan pegawai utama di Malaysia semasa mengulas tentang insiden penculikan dan serangan di Sabah ini yang mengaitkan kumpulan ini dengan masyarakat Tausug (*The Malaysian Insider*, 26 Jun 2014 dan *Borneo Post*, 27 Jun 2014). Malahan, selepas berlakunya insiden kematian dan penculikan anggota polis di Pulau Mabul Semporna pada Julai 2014, ia sekali lagi dikaitkan dengan kumpulan Tausug (Syed Azhar, 15 Julai 2014. Lihat juga *Borneo Post*, 26 Jun 2014, *Berita Harian*, 25 Jun. 2014; Sario, *The Star*, 17 Julai, 2014; *Brunei Times*, 28 Jun, 2014). Keadaan ini menunjukkan dengan jelas bagaimana stigma ini telah melekat kepada masyarakat Tausug. Malahan, semasa perbicaraan kumpulan penceroboh ini dijalankan pada awal 2014, istilah-istilah seperti ‘Sulu invasion trial begins’ digunakan untuk mengaitkan kumpulan berketurunan Suluk ini sebagai masalah kepada pencerobohan ini.

### **Mengembalikan Keharmonian**

Dalam hal ini, penulis melihat bahawa semua pihak memainkan peranan penting dalam membantu menyelesaikan tragedi Tausug di Sabah ini. Pertama, penulis melihat bahawa pemerintah mempunyai tanggungjawab paling besar dalam mengembalikan semula keyakinan dan persepsi negatif masyarakat ini. Dalam hal ini, penulis melihat bahawa tiba masanya kerajaan memulakan inisiatif dan memikirkan semula tentang pengurusan maklumat di media-media sosial dalam menangani isu ini. Kerajaan dalam hal ini, kerajaan perlu memantau gerakan-gerakan yang memburukkan Tausug bagi menjamin keharmonian di Sabah. Untuk tujuan itu, badan-badan kerajaan seperti Jabatan Perpaduan, Kemas, Pendidikan dan sebagainya perlu menangani meningkatkan usaha dalam menangani masalah ini.

Selain itu, menteri dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan juga perlu mengelakkan daripada membuat kenyataan-kenyataan yang boleh mengguris hati masyarakat Tausug dan membangkitkan sentimen kebencian bangsa lain terhadap kumpulan ini. Tidak semua maklumat tentang sesuatu isu tersebut perlu didedahkan. Dalam hal ini, kebebasan media adalah diperlukan tetapi laporan media mestilah berintegriti dan beretika. Malahan, terdapat isu-isu yang mendesak ini perlu diberikan keutamaan. Kegagalan berbuat demikian hanya akan menimbulkan masalah yang lebih besar kepada negara ini. Ahli politik sama ada di pihak kerajaan atau pembangkang juga perlu merasakan prinsip kebertanggungjawaban dengan mengurangkan provokasi politik yang mampu menimbulkan lagi banyak masalah kepada isu ini. Media masa juga perlu mempunyai tanggungjawab memberikan laporan-laporan yang dapat membantu kerajaan bagi menjamin keamanan dan keharmonian yang berkekalan dalam kalangan penduduk.

## Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas dan bagaimana pembentukan identiti masyarakat Tausug di Sabah selepas peristiwa Tanduo menunjukkan dengan jelas bagaimana memahami pembentukan sempadan bukan fizikal terutamanya dalam pembentukan identiti. Dalam hal ini, peranan ‘peristiwa’ adalah amat penting dalam menjadikan isu tersebut menjadi sesuatu wacana tersebut menjadi terlalu hegemonik, sukar untuk disangkal dan seterusnya menjadi satu fakta sosial dalam masyarakat yang sukar untuk diragui kebenarannya. Jelasnya, imej Tausug yang membawa watak jahat dalam masyarakat di negeri Sabah khususnya masih dapat dikawal melalui wacana-wacana berterusan yang digunakan oleh para pemimpin, pihak media, ahli politik dan penduduk di negeri ini. Dalam hal ini, wacana-wacana yang menekankan kepada aspek perbezaan ini perlu dikawal oleh pihak kerajaan, dan pada masa yang sama wacana yang menekankan kepada aspek persamaan perlu diberikan perhatian. Hanya dengan pendekatan ini wacana-wacana negatif tentang imej buruk Tausug tersebut dapat dikawal seterusnya mampu mewujudkan keharmonian dalam negara ini.

## Penghargaan

Artikel ini berdasarkan penelitian sekumpulan penyelidik Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Wairsan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah melalui geran GL00101 (JPININ) dan ERGS0018-PK-1/2012 (KPT). Penulis ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih atas komen dan cadangan pewasit. Selain itu, para penulis ingin turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

## NOTA

- <sup>1</sup> Namun, Williams berhujah bahawa sempadan sebagai ‘blindspot in international relations theory’ kerana sarjana-sarjana awal dalam kajian hubungan antarabangsa kurang memberikan penumpuan kepada aspek sempadan dalam kajian teori hubungan antarabangsa. Malahan, sarjana-sarjana hubungan antarabangsa seperti Richard Jackson, Chris Brown, Yosef Lapid, Andrew Linklater, John Williams, R.B.J Walker dan beberapa sarjana lain turut mengakui masalah yang berlaku ini. Robert Jackson misalnya berhujah bahawa *‘it is remarkable that state borders are usually taken for granted by international relations. They are point of departure but they are not subject on inquiry’* (Vaughan-Williams, 2009: 4–5).
- <sup>2</sup> Untuk melihat lebih lanjut tentang peranan *societal* dan identiti dalam konflik, lihat Waver *et al.* (1993) dan Roe (2005).
- <sup>3</sup> Istilah *difference* dan *sameness* ini digunakan secara meluas dalam karya-karya akademik. Lihat misalnya Albert, *et al.*, 2001).
- <sup>4</sup> Bagi masyarakat Bajau dan Tausug ia juga dikenali dengan pelbagai nama seperti *pagbanta*, *pagbunuh*, *mamauli*, *kasaop*, *pagbaos*, *lido* atau *ridu* bergantung kepada lokasi dan bahasa pertuturan kumpulan ini. Lihat Wilfredo Magno Torres III (2007: 12).

## RUJUKAN

### Akhbar

- “6 suspek penganas Sulu ditahan sekitar Kunak”, *Berita Harian*, 25 Jun. 2104;  
“Bodies of 16 Sulu militants sent to Lahad Datu hospital”, *The Sun Daily*, 16 June 2014.  
“Kronologi Pencerobohan di Lahad Datu”, *Sinar Harian*, 2 Mac 2013.  
“Lahad Datu Trial: Sulu militant shot dead hid inside hole in the ground”, *New Strait Times*, 17 June 2014.  
“Maharaja Omar” and five other suspected Sulu terrorists nabbed in Kunak”, *Borneo Post*, 26 Jun 2014.  
“Police tracking down more suspected Sulu militants”, *Brunei Times*, 28 Jun 2014.  
“Police tracking down more suspected Sulu terrorists”, *The Malay Mail*, 27 Jun 2014.

- “Policeman among six held as Sulu terrorist suspects, says IGP”, *The Malaysian Insider*, 25 Jun 2014.
- “Sulu militants may be behind kidnappings in Sabah, says Zahid Hamidi”, *The Malaysian Insider*, 26 Jun 2014.
- “Sulu militants may be behind spate of kidnappings in Sabah – Zahid”, *The New Sabah Times*, 27 Jun 2014.
- “Sulu militants may be behind spate of kidnappings, says Ahmad Zahid”, *Borneo Post*, 27 Jun 2014.
- “Suluk Sabah bukan Sulu”, *Utusan*, 10 Mac 2013.

## Buku dan Artikel

- Acharya, Amitav. (1997). The periphery as the core: The Third World and security studies. Dalam Krause, Keith & Michael Williams (Eds.), *Critical Security Studies: Concepts and Cases*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Agnew, John. The territorial trap: The geographical assumptions of International Relations Theory. *Review of International Political Economy*, Vol. 1(1), 53–80.
- Alagappa, Muthiah. (1987). *The national security of developing states: Lessons from Thailand*. Massachusetts: Auburn House Publishing.
- Albert, Mathias., David Jacobson,& Yosef Lapid. (2001). *Identities, borders,orders: Rethinking International Relations Theory*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Ayoob, Mohammed. (1995). *The Third World Security predicament: State making, regional conflict and the international system*. London: Lynne Rienner Publisher.
- Buzan, Barry. (1991). *People, states and fear: An agenda for international security studies in the Post-Cold War Era* (2<sup>nd</sup> ed.). Boulder: Lynne Rienner.
- Campbell, David. (1998). *Writing security: United States foreign policy and the politics of identity* (revised edition). Manchester: Manchester University Press.
- Campbell, David. (1996). Violent performances: Identity, sovereignty, responsibility. Dalam Yosef Lapid, Yosef., & Friedrich Kratochwil (ed.). *The Return of Culture and Identity in IR Theory*. Boulder, Colorado: Lynne Reinner.
- Fierke, Karin M. (2007). *Critical approaches to international security*. Cambridge: Polity Press.
- Gowing, Peter G. (1977). *Mandate in Moroland: The American Government of Muslim Filipinos, 1899-1920*. Quezon City: Philippine Center for Advanced Studies.
- Holsti, Kalevi J. (196). *The state, war, and the state of war*. London: Cambridge Studies in International Relations.
- Hudson, John., ‘The ‘Twitter Revolution’ Debate: The Egyptian test case’, *The Atlantic*, <http://www.theatlanticwire.com> (31 Januari 2011).
- Jackson, Robert H. (1993). *Quasi-States: Sovereignty, international relations and the Third World*. London: Cambridge Studies in International Relations.

- Kee Sabariah K.Y. & Asmiaty Amat. (2012). Suluk. Dalam Kntayya Mariappan & Paul Porodong (Eds.). *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).
- Kiefer, Thomas M. (1972). *The Tausug, violence and law in a Philippine Moslem society*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Magno Torres III, Wilfredo. (2006). Voyages and ethnicity across reordered frontiers: Conflict resolution and leadership in the dynamics of ethnic identity formation among the Sama Dilaut of Semporna. In *Negotiating Globalization in Asia*. Manila: Ateneo Center for Asian Studies.
- Magno Torres III, Wilfredo. (2007). *Rido: Clan feuding and conflict management in Mindanao*. Makati City: The Asia Foundation.
- McCormic, John. (2002). *Understanding the European Union: A concise introduction* (2<sup>nd</sup> ed.). Basingstoke: Palgrave.
- Mohammad Faizal Rashid. (2014). Kesejahteraan sosial dalam memartabat komuniti Suluk: ruang dan cabaran. *Jurnal Kinabalu*, 20: 81–102.
- Neuman, Iver. (1999). *Uses of the other: The 'East' in European identity formation*. Manchester: Manchester University Press.
- Ramli Dollah. (2013). Isu pelarian Rohingnya dan dilema Dasar Tidak Campur tangan (DTC) ASEAN. Dalam Ramli Dollah *et al.*(ed.). *Siri Wacana Sains Sosial: Kepelbagaian Ilmu dan Isu Sosial*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Ramli Dollah, Marshita Mohd Radzi, Modwin Robin, Amrullah Maraining, Dewi Herviani & M. Malik Ag. Rasin. (2013), "Elemen Fizikal dan Bukan-Fizikal dalam Pembentukan Sempadan: Pengalaman di Pantai Timur Sabah, Malaysia, Bengkel Wacana Perbatasan, Dewan YTL, 20–21 November 2013.
- Ramli Dollah, Marsitah Mohd Radzi, Wan Shawaluddin Wan Hassan & Amrullah Maraining. (2015). Elemen fizikal dan bukan-fizikal dalam pembentukan sempadan: Pengalaman pembentukan identiti dalam kalangan komuniti sempadan di pantai timur Sabah, Malaysia. *Geografi*, 11(7): 9–20.
- Ramli Dollah, W. Shawaluddin W. Hassan & Baszley Bee B. Basrah Bee. (2007). Isu Ambalat: Reaksi perang Indonesia ke atas Malaysia dan implikasinya kepada keselamatan serantau. *Malaysia dari segi Sejarah: Malaysian Historical Society*, 35:103–118.
- Roe, Paul. (2005). *Ethnic violence and the societal security dilemma*. London: Routledge.
- Sario, Ruben. "Security forces on high alert over possible 'attack' by Sulu gunmen in Sabah", *The Star*, 17 July 2014.
- Scholte, Jan Aart. (2000). *Globalization: A critical introduction*. New York: St Martin's Press.
- Syed Azhar "Mabul attack: Tausug people believed to be behind raid, says Zahid", *The Star*, 15 Julai 2014.

- Temu bual, En. Rasman (bukan nama sebenar), pengusaha Perikanan Laut Dalam, Kota Kinabalu, 27 Jun 2014.
- Temu bual, YBhg. Laksamana Pertama Dato' Pahlawan Sulaiman bin Mohamad, Ketua Markas Angkatan Tugas Bersama (ATB) 2, Tawau, 14 November 2013.
- Kerja lapangan, beberapa daerah di pantai timur Sabah, Semporna, Tawau, Lahad Datu, dan Tungku, September-Okttober 2013.
- Temu bual bersama En. Jamarul, (bukan nama sebenar), pekerja dalam sektor perikanan, Kota Kinabalu, 29 Julai 2014.
- Temu bual, Mursi, (bukan nama sebenar), pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 14 Mei 2013.
- Temu bual, En. Salleh (bukan nama sebenar), pekerja ladang kelapa sawit, Tawau, 8 Januari 2014.
- Vanar, Muguntan., "Fire in Kunak village hideout of Sulu terrorists triggered by short circuit" *The Star*, 29 Jun 2014.
- Vaughan-Williams, Nick. (2009). *Border politics: The limits of sovereign power*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Waever, Ole. (1996). European security identity. *Journal of Common Market Studies*, 34(1): 103–132.
- Waever, Ole. (1998). Insecurity, security, and asecurity in the West European non-war community. Dalam Emanuel Adler & Michael Barnett (Eds.) *Security Communities*, London: Routledge.
- Waever, Ole *et al.* (1993). *Identity, migration and the New Security Agenda in Europe*. London: Pinter.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, Ramli Dollah & Diana Peters. (2016). *Datuk Abd Harun bin Rashid: Pesuruhjaya Polis Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.